



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

1. (a) Jawatan : PEGAWAI TADBIR  
(b) Taraf Jawatan : PERKHIDMATAN SECARA PERSONEL MySTEP  
(c) Kementerian / Jabatan : PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : RM 2,100.00 / sebulan
3. Syarat Lantikan Wajib : (a) Warganegara Malaysia;  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
(d) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  
(e) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) termasuk Lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Fungsi Bidang Tugas : (a) Melaksana dan menyelaras tugas-tugas keurusetiaan bagi Mesyuarat di MDA yang melibatkan;  
i. Mesyuarat Anggota MDA;  
ii. Mesyuarat Bulanan MDA;  
iii. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi & Anti Rasuah MDA.  
(i) Merancang tarikh-tarikh mesyuarat dengan menyediakan takwim mesyuarat;  
(ii) Mengajukan mesyuarat;  
(iii) Menguruskan kertas-kertas pertimbangan yang berkaitan;  
(iv) Menyediakan deraf minit mesyuarat berkaitan;  
(v) Menguruskan dokumen dan fail-fail yang berkaitan dengan mesyuarat seperti di atas.  
(b) Mengurus hal ehwal pelantikan, penamatan dan kemudahan Anggota MDA serta mengemaskini maklumat Anggota MDA;  
(c) Menguruskan pembayaran elaun Anggota MDA;  
(d) Membantu dalam pelaksanaan pelan strategik bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar termasuk pemantauan pelaporan pencapaian KPI bagi proses-proses yang telah dikenalpasti;  
(e) Mengurus dan menyelia hal ehwal majlis rasmi Ketua Eksekutif MDA; dan  
(f) Tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
5. Kemudahan : (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:  
i. Elaun Perjalanan Kenderaan;  
ii. Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;  
iii. Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam; dan  
iv. Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih).

- (b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO;
- (c) Cuti Rehat 12 hari setahun, dikira secara purata (*pro rate*) berdasarkan tempoh kontrak;
- (d) Cuti Sakit 14 hari setahun, dikira secara purata (*pro rate*) berdasarkan tempoh kontrak.

6. Cara Memohon

- : (a) Pemohon hendaklah memastikan semua salinan dokumen diakui sah dan menghantar dokumen – dokumen dibawah **MENGIKUT SUSUNAN** berikut:

- i. Resume Calon (beserta gambar berukuran passport);
- ii. Salinan Kad Pengenalan;
- iii. Salinan Sijil Kelahiran;
- iv. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
- v. Salinan STPM / STAM / SPM / PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vi. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
- vii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil daripada JPA / MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
- viii. Lain-lain dokumen sokongan.

- (b) Ke alamat:

E-mel : [jobvacancy@mda.gov.my](mailto:jobvacancy@mda.gov.my)  
Tajuk / : **PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI TADBIR**  
Subjek (PERSONEL MySTEP)  
e-mel

- (c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (f) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

7. Tarikh Tutup Permohonan : 10 Mac 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang



(MURALITHARAN PARAMASUA)  
Ketua Eksekutif  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh : 24 Februari 2023